

# LAWATAN KAKITANGAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA KE SPE

Seramai 15 orang kakitangan akademik dari Universiti Islam Antarabangsa telah berkunjung ke Sekolah Perniagaan & Ekonomi dalam salah satu rangka lawatan ke Universiti Malaysia Sabah. Kehadiran rombongan tersebut yang di ketuai oleh wakil dari Kulliyah Ekonomi dan Pengurusan telah di sambut mesra oleh Dekan SPE, Prof.Madya Dr. Arsiah Bahron serta beberapa beberapa staf kanan sekolah. Pelbagai topik perbincangan telah di utarakan sepanjang 2 jam sesi berlangsung. Antara topik yang dibincangkan adalah cadangan untuk mengadakan kerjasama dari segi penyelidikan akademik, pertukaran pelajar serta kemungkinan mengadakan seminar bersama antara kedua-dua belah pihak. Ahli –ahli rombongan kemudiannya telah diberikan sedikit jamuan ringan sebelum berangkat pulang.

